

Hutang negara diurus secara berhemat: PM

Tiada pinjaman daripada pasaran modal antarabangsa sejak 2006

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Mohamed Farid Noh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia dikategorikan sebagai negara berhutang sederhana kerana strategi pengurusan hutangnya yang berhemat.

Perdana Menteri berkata, langkah diambil bagi menguruskan hutang termasuk usaha meminimumkan pendedahan kepada risiko pergerakan pertukaran mata wang asing, kejutan kadar faedah global dan perubahan sentimen pelabur.

Katanya, hutang dalam dan luar negara Kerajaan Pusat sehingga akhir tahun lalu berjumlah RM242.2 bilion atau 44.3 peratus daripada Keuaran Dalam Negara Kasar (KDNK),

berbanding RM228.7 bilion atau 46.2 peratus KDNK pada akhir 2005.

"Hutang dalam negara diperolehi melalui institusi kewangan, syarikat insurans dan institusi keselamatan sosial tempatan, manakala hutang luar negara daripada sumber pasaran modal antarabangsa dan pengeluaran pinjaman projek dari institusi multilateral (pelbagai hala) dan bilateral (dua hala).

"2006 adalah tahun ketiga berturut-turut kerajaan tidak membuat pinjaman daripada pasaran modal antarabangsa," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Salahuddin Ayub (PAS-Kubang Kerian) yang ingin mengetahui nilai sebenar hutang kerajaan dari dalam dan luar

negara serta sumber kerajaan memperoleh hutang berkenaan.

Salahuddin juga bertanyakan peratusan KDNK negara yang digunakan bagi membayar hutang dalam dan luar negara serta jumlah sebenar bayaran balik terbabit.

FAKTA NOMBOR

Pecahan hutang negara

RM217.2b

Hutang dalam negara

RM25b

Hutang luar negara

Abdullah berkata, dari segi bayaran khidmat hutang (faedah dan bayaran balik pokok) dalam dan luar negara kerajaan, jumlahnya mencatat RM44.5 bilion atau 8.1 peratus daripada KDNK 2006 berbanding RM42.8 bilion atau 8.6 peratus KDNK pada 2005.

Bagi hutang negara pula, katanya, bayaran khidmat hutang berjumlah RM31.3 bilion atau 5.7 peratus daripada KDNK 2006 berbanding RM32.8 bilion atau 6.6 peratus daripada KDNK 2005.

"Sistem pemantauan hutang yang komprehensif membolehkan pihak berkuasa memantau dengan rapi paras keseluruhan hutang, struktur hutang dan tanggungjawab melulus hutang oleh sektor awam dan swasta," katanya.